

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL  
AZIZ [TANAH MERAH]**

**TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Datuk Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah seriusnya pencerobohan nelayan asing di kawasan perairan negara sehingga menjejaskan pendapatan nelayan tempatan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memandang serius masalah pencerobohan nelayan asing di kawasan perairan Negara. Oleh itu, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang ditubuhkan pada 21 Ogos 2002 telah diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia.

Bagi mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing di perairan Negara, APMM telah melaksanakan pelbagai tindakan penguatkuasaan. Antara tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan adalah seperti berikut;

- i. Mempertingkatkan rondaan dan kawalan keselamatan hingga ke sempadan perairan Zon Ekonomi Eksklusif iaitu 200 batu nautika dari pantai dengan menggunakan aset laut dan udara;
- ii. Pemasangan frekuensi radio yang digunakan oleh nelayan di bilik gerakan Wilayah dan Daerah Maritim bagi tujuan memudahkan nelayan menyampaikan maklumat pencerobohan dan salah laku di perairan Negara; dan
- iii. Mewujudkan Program Sahabat Maritim bagi menjadikan nelayan mata dan telinga APMM agar APMM dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Dalam kes pencerobohan nelayan asing, sebanyak 774 kes tangkapan telah berjaya dilakukan oleh APMM dengan mengutip hasil RM283 juta

menerusi denda nelayan asing, pelupusan vesel kompaun dan lelongan ikan mulai tahun 2006 sehingga 15 Mei 2015. Hasil dari penguatkuasaan yang berkesan ini, telah berlaku peningkatan statistik pendaratan hasil laut negara iaitu sebanyak RM8.7 billion bagi tahun 2013.

Berdasarkan statistik penguatkuasaan dan pendaratan ikan negara, pencerobohan nelayan asing masih dalam keadaan terkawal.

Sekian. Terima kasih.